
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

PPK 101 – Pengantar Pendidikan Khas

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

ARAHAN :

Jawab **LIMA (5)** soalan semuanya : **DUA (2)** soalan daripada **BAHAGIAN A** dan pilih **TIGA (3)** soalan lain daripada **BAHAGIAN B**.

Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan pilihan, hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

BAHAGIAN A

Jawab soalan 1 dan 2.

SOALAN 1

Merujuk kepada pelaksanaan proses pendidikan khas di negara maju, cadangkan bagaimana pelaksanaan proses pendidikan khas di Malaysia boleh diperbaiki?

(20 markah)

SOALAN 2

Bincangkan sekurang-kurangnya **LIMA (5)** elemen penting yang perlu diterapkan dalam Rancangan Pendidikan Individu untuk seseorang pelajar berkeperluan khas. Huraikan elemen-elemen tersebut dengan menggunakan contoh-contoh yang spesifik.

(20 markah)

BAHAGIAN B

Pilih mana-mana **TIGA (3)** soalan

SOALAN 3

Kerencatan akal merupakan satu konsep yang kompleks yang telah dikaji oleh ahli profesional pelbagai disiplin.

a) Kenalpasti **TIGA (3)** faktor yang boleh menyebabkan kerencatan akal. Huraikan faktor-faktor tersebut dengan menggunakan contoh-contoh yang spesifik.

(10 markah)

b) Bincangkan **TIGA (3)** strategi pengajaran yang telah terbukti berkesan untuk mengajar kanak-kanak terencat akal.

(10 markah)

...3/-

SOALAN 4

Pertuturan dan bahasa merupakan komponen-komponen penting dalam komunikasi. Sebarang gangguan terhadap komponen-komponen ini akan memberi kesan kepada semua aspek kehidupan seseorang individu.

a) Huraikan **DUA (2)** kategori utama masalah komunikasi dengan menggunakan contoh-contoh yang spesifik.
(10 markah)

b) Bincangkan prinsip *augmentative and alternative communication*.
(10 markah)

SOALAN 5

Huraikan prinsip serta kaedah berkomunikasi untuk **TIGA (3)** jenis pendekatan berkomunikasi yang digunakan untuk mendidik kanak-kanak bermasalah pendengaran. Pendekatan manakah yang digunakan di Malaysia?

(20 markah)

SOALAN 6

Kanak-kanak bermasalah penglihatan biasanya didefinisikan sebagai buta atau rabun. Dari segi perundangan dan pendidikan keduanya adalah berbeza.

a) Huraikan perbezaan antara keadaan buta dan rabun dari segi perundangan dan juga dari segi pendidikan.
(10 markah)

b) Cadangkan pengubahsuaian dalam pendekatan pendidikan untuk kanak-kanak bermasalah penglihatan yang buta dan rabun.
(10 markah)